

01/05/2002

Rakyat perlu rebut peluang pekerjaan

KUALA LUMPUR, Selasa - Rakyat yang belum mempunyai pekerjaan diminta merebut peluang bekerja tanpa memikirkan upah yang tinggi berikutan lebihan peluang pekerjaan dalam pasaran buruh negara.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Fong Chan Onn berkata, tahun lalu negara mencatatkan 131,459 kekosongan jawatan walaupun berlaku kelembapan ekonomi berbanding 123,484 pada tahun sebelumnya.

"Berikutan itu, rakyat wajar merebut peluang itu tanpa mengharapkan kadar upah yang terlalu tinggi," katanya dalam perutusan sempena Hari Pekerja esok.

Fong berkata, kelembapan ekonomi tahun lalu menyebabkan pengangguran meningkat kepada 3.9 peratus, berbanding 3.1 peratus tahun sebelumnya.

Selain itu, 38,116 pekerja diberhentikan tahun lalu, berbanding 25,236 tahun sebelumnya.

"Kadar pengangguran kekal di bawah paras empat peratus dan negara masih berada pada tahap guna tenaga penuh," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan terus memberi keutamaan kepada rakyat tempatan bekerja di sektor tertentu mengikut kesesuaian.

Majikan juga wajar memodenkan proses pengeluaran berteknologi tinggi supaya sebahagian proses pengeluaran dijalankan secara mekanikal, sekali gus mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Abdul Rahman Manan, meminta kakitangan menghayati amanat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi meningkatkan mutu perkhidmatan awam negara bertaraf dunia.

Dr Mahathir akan menyampaikan amanat itu di depan 800 kakitangan awam pada sambutan Hari Pekerja Sektor Awam 2002, di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) esok.

Presiden Kongres Kesatuan-Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Senator Zainal Rampak, pula menggesa pekerja bersatu padu menentang ketidakadilan dalam amalan perusahaan dan sosial.

Katanya, pekerja perlu tegas, berpandangan jauh dan dinamik, manakala kesatuan sekerja perlu menghentikan perbalahan bagi menghadapi cabaran arus globalisasi.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Senator Datuk M Kayveas, pula berkata, pekerja harus proaktif dalam menjalankan tugas masing-masing.

Presiden Parti Keadilan Nasional, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, meminta kerajaan merangka dasar yang mampu menghasilkan suasana selesa kepada pekerja dan majikan.

(END)